SOALAN-SOALAN LAZIM

INISIATIF PENGURANGAN KOMPAUN TAHUN 2025

	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah inisiatif pengurangan kompaun yang diperkenalkan oleh SSM?	SSM memperkenalkan tiga (3) inisiatif pengurangan kompaun seperti berikut: i. Pengurangan kompaun **sebanyak 95%** untuk kesalahan lazim di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (**APLT**) 2012 bagi permohonan penggulungan sukarela Perkongsian Liabiliti Terhad (**PLT**) di bawah Seksyen 50 Akta PLT 2012; ii. Pengurangan kompaun **sebanyak 90%** daripada nilai asal kompaun untuk kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat (AS) 1965/2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (APLT) 2012; dan iii. Pengurangan kompaun **sebanyak 95%** daripada nilai asal untuk kesalahan lazim di bawah AS 1965/2016 bagi permohonan pemotongan nama syarikat yang layak di bawah Seksyen 550 AS 2016.

<table>
<tr><th></th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>2.</td><td>Bilakah tarikh mula berkuat kuasa inisiatif pengurangan kompaun ini?</td><td>Pengurangan kompaun ini berkuat kuasa 16 April 2025 sehingga 30 September 2025.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Apakah jenis kesalahan yang layak mendapat pengurangan kompaun di bawah inisiatif pengurangan kompaun ini?</td><td>Jenis kesalahan yang layak mendapat inisiatif pengurangan kompaun adalah kesalahan lazim di bawah AS 1965/2016 dan APLT 2012 seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Seksyen Kesalahan</th><th>Keterangan Kesalahan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>143(1) AS 1965</td><td>Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan</td></tr>
<tr><td>2</td><td>165(4) AS 1965</td><td>Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan</td></tr>
<tr><td>3</td><td>169(1) AS 1965</td><td>Gagal membentangkan Penyata Kewangan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan</td></tr>
<tr><td>4</td><td>68(1) AS 2016</td><td>Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan</td></tr>
<tr><td>5</td><td>248(1) AS 2016</td><td>Gagal menyediakan Penyata Kewangan</td></tr>
<tr><td>6</td><td>258(1) AS 2016</td><td>Gagal mengedarkan Penyata Kewangan</td></tr>
<tr><td>7</td><td>259(1) AS 2016</td><td>Gagal menyerahsimpan Penyata Kewangan</td></tr>
<tr><td>8</td><td>340(1) AS 2016</td><td>Gagal mengadakan Mesyuarat Agung</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th></th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td></td><td></td><td>Tahunan (bagi syarikat awam)</td></tr>
<tr><td>9</td><td>68(2) APLT 2012</td><td>Gagal menyerah simpan Perakuan Tahunan bagi setiap tahun kewangan</td></tr>
<tr><td>10</td><td>68(3) APLT 2012</td><td>Gagal menyerah simpan Perakuan tahunan pertama dari tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Apakah tujuan inisiatif ini diadakan?</td><td>Tujuan pelaksanaan inisiatif ini adalah untuk meringankan beban komuniti korporat melalui pemberian pengurangan kompaun maksimum, mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta membantu ke arah pemulihan ekonomi negara.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Apakah syarat yang melayakkan pihak syarikat / PLT menikmati pengurangan kompaun sebanyak 90%?</td><td>Pengurangan kompaun sebanyak 90% hanya terpakai kepada seksyen kesalahan lazim di bawah AS 1965/2016 dan APLT 2012 tanpa mengambil kira tahap pematuhan.</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Apakah syarat yang melayakkan pihak syarikat / PLT menikmati pengurangan kompaun sebanyak 95%?</td><td>Pengurangan kompaun sebanyak 95% hanya terpakai kepada seksyen kesalahan lazim di bawah AS 1965/2016 atau APLT 2012 dan telah memenuhi kriteria berikut:</td></tr>
</table>

	SOALAN	JAWAPAN
		i. Syarikat telah membuat **permohonan pemotongan nama syarikat** di bawah Seksyen 550 AS 2016 atau ii. PLT telah membuat **permohonan penggulungan sukarela PLT** di bawah seksyen 50 APLT 2012.
7.	Apakah jenis kesalahan yang **tidak layak** mendapat pengurangan kompaun di bawah inisiatif ini?	Kesalahan yang **TIDAK LAYAK** menikmati pengurangan kompaun di bawah inisiatif ini adalah melibatkan: i. Kompaun bagi **penyelesaian Luar Mahkamah** atau Kertas Siasatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendakwaan & Litigasi serta Pejabat Negeri / Cawangan; ii. Kompaun yang dianggap oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) SSM sebagai **kesalahan tadbir urus korporat yang serius**; iii. Kompaun bagi seksyen kesalahan **selain** daripada senarai kesalahan yang dinyatakan pada soalan 3 di atas.

	SOALAN	JAWAPAN
8.	Siapakah yang boleh membuat **permohonan pengurangan kompaun** semasa pelaksanaan inisiatif ini?	i. **Syarikat:** Pengarah, setiausaha syarikat dan wakil syarikat. ii. **PLT:** Pegawai Pematuhan dan pekongsi PLT.
9.	Bagaimanakah cara pihak syarikat / PLT boleh **memohon rayuan pengurangan kompaun** semasa pelaksanaan insiatif ini?	(a) **Syarikat:** Pengurangan kompaun boleh dimohon dengan: (i) hadir di Kaunter Penguatkuasaan di Tingkat 26 Menara SSM@Sentral, atau mana-mana Kaunter Penguatkuasaan Pejabat Negeri dan Cawangan SSM **kecuali** di Kaunter UTC dan Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (Putrajaya); (ii) Emel ke e-mel rasmi SSM di enquiry@ssm.com.my. (b) **PLT:** Rayuan pengurangan kompaun PLT hendaklah dihantar secara dalam talian melalui sistem MyLLP.

	SOALAN	JAWAPAN
		Rujuk pautan berikut sebagai panduan: https://www.ssm.com.my/Pages/MyLLP.aspx
10.	Bolehkah permohonan pengurangan kompaun PLT dikemukakan di kaunter SSM atau melalui emel?	Tidak boleh. Rayuan pengurangan kompaun bagi PLT hendaklah dihantar secara dalam talian melalui sistem MyLLP.
11.	Adakah **surat rayuan** diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan inisiatif ini?	Ya. Surat rayuan diperlukan. (a) **Syarikat:** Surat rayuan perlu dikemukakan semasa permohonan pengurangan kompaun dibuat di kaunter penguatkuasaan atau melalui e-mel dengan menyatakan nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat atau nama pengarah dan nombor kad pengenalan/pasport pengarah. (b) **PLT:** Surat rayuan perlu dimuat naik di dalam sistem MyLLP semasa membuat permohonan pengurangan kompaun.
12.	Dimanakah **pembayaran kompaun** yang telah	(a) **Syarikat:** Pembayaran boleh dilakukan di-mana-mana pejabat

	SOALAN	JAWAPAN
	diberi pengurangan boleh dilakukan?	SSM yang berhampiran di seluruh Malaysia atau melalui pembayaran secara dalam talian EzBiz Online https://ezbiz.ssm.com.my Pembayaran melalui EzBiz Online hanya boleh dilakukan oleh individu yang telah berdaftar sebagai pengguna EzBiz. (b) **PLT:** Pembayaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui sistem MyLLP. Rujuk pautan berikut sebagai panduan: https://www.ssm.com.my/Pages/MyLLP.aspx
13.	Bagaimanakah komuniti korporat boleh menyemak status kompaun?	(a) **Syarikat:** Syarikat boleh membuat semakan status kompaun melalui saluran berikut: (i) Melalui e-mel: Hantar permohonan melalui emel rasmi SSM di enquiry@ssm.com.my; (ii) Semakan secara dalam talian melalui laman rasmi SSM, e-kompaun (https://www.ssm.com.my/Pages/e-Compound.aspx);

	SOALAN	JAWAPAN
		(iii) Melalui EzBiz Online (https://ezbiz.ssm.com.my); (iv) Secara fizikal di kaunter: Hadir ke kaunter Penguatkuasaan di Tingkat 26, Menara SSM@Sentral, atau mana-mana kaunter Penguatkuasaan Pejabat Negeri dan Cawangan SSM **kecuali** di kaunter UTC dan kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (Putrajaya). (b) **PLT:** Semakan boleh dilakukan melalui sistem MyLLP di pautan berikut: https://www.ssm.com.my/Pages/MyLLP.aspx
14.	Apakah **kaedah bayaran kompaun** yang diterima oleh SSM?	(a) **Syarikat:** Bayaran kompaun boleh dibuat melalui kaedah berikut: • secara tunai; • menggunakan cek Syarikat Pengurusan; • bank draf; • kad debit/kredit; atau • secara online melalui EzBiz Online (https://ezbiz.ssm.com.my).

	SOALAN	JAWAPAN
		(b) **PLT:** Bayaran kompaun boleh dilakukan secara dalam talian melalui sistem MyLLP: Rujuk panduan di pautan: https://www.ssm.com.my/Pages/MyLLP.aspx
15.	Adakah **cek persendirian diterima oleh SSM** untuk pembayaran kompaun?	Tidak. Hanya cek yang dikeluarkan oleh Syarikat Pengurusan sahaja yang diterima.
16.	Bolehkah semua kompaun dibayar menggunakan satu cek Syarikat Pengurusan atau satu bank deraf sahaja?	Boleh, namun terhad untuk maksimum 5 notis kompaun sahaja.
17.	Bolehkah bayaran kompaun dilakukan secara **ansuran**?	Tidak.
18.	Adakah amaun pengurangan **dikekalkan** selepas tamat tempoh inisiatif?	Amaun kompaun akan kembali ke amaun asal selepas tamat tempoh inisiatif.
19.	Apakah yang akan berlaku sekiranya kompaun yang telah diberi pengurangan tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan?	Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, amaun kompaun akan Kembali kepada jumlah asal dan Tindakan penguatkuasaan akan diambil.